

SIRI SYARAHAN UMUM

RUMPUN MELAYU

.....

TEORI MIGRASI DAN DIASPORA

WAN HASHIM





Imaginasi pelukis "perahu bersayap" yang membawa rumpun Polinesia merentas Lautan-Teduh (Pasifik) dan akhirnya menetap di Kepulauan itu sejak lebih 5000 tahun yang lalu.



PROF. DATO' DR. WAN HASHIM WAN TEH
Ahli Lembaga Pengarah
Universiti Sains Islam Malaysia



RUM PUN MELAYU

.....

TEORI MIGRASI DAN DIASPORA





RUM PUN MELAYU

.....

TEORI MIGRASI DAN DIASPORA

WAN HASHIM

Penerbit USIM
Universiti Sains Islam Malaysia
Bandar Baru Nilai
Negeri Sembilan
2012

CETAKAN PERTAMA 2012
© Hak Cipta Universiti Sains Islam Malaysia

Hak cipta terpelihara, tidak dibenarkan mencetak ulang semula mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara sekalipun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, CD atau cara lain sebelum mendapat keizinan bertulis daripada Penerbit USIM terdahulu.

Diterbitkan di Malaysia oleh:

PENERBIT USIM
Universiti Sains Islam Malaysia
Bandar Baru Nilai
71800 Negeri Sembilan Darul Khusus
Tel: 06-798 8226/6081 Faks: 06-798 6083
penerbit.usim.edu.my
pej.penerbitan@usim.edu.my

**Penerbit USIM adalah anggota
MAJLIS PENERBITAN ILMIAH MALAYSIA**

Dicetak di Malaysia oleh:

ONLINE PRINTING NETWORK SDN. BHD.
No. 49B, Jalan Anggerik,
Vanila N31/N Kota Kemuning Seksyen 13,
40460 Shah Alam, Selangor.
Tel / Faks : 03-5131 2458

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Wan Hashim Wan Teh, 1949-

Rumpun Melayu : teori migrasi dan diaspora / Wan Hashim Wan Teh.
(Siri syarah umum)

ISBN 978-967-0393-65-0

1. Ethnic relations. 2. Malay--History. 3. Human geography.
 4. Linguistics--History I. Judul. II. Siri.
- 307.89923



PENGHARGAAN

Perjalanan intelektual dalam mencari jawapan kepada persoalan siapa orang Melayu dan dari mana asal-usul mereka mengambil masa yang agak lama, sekitar 25 tahun lamanya, bermula pada tahun 1987. Ia perlukan satu jawapan yang tuntas kerana sejarah asal-usul sesuatu bangsa adalah salah satu unsur penting jati diri bangsa tersebut.

SYARAHAN ini merupakan satu kemuncak kepada pencarian yang bermula semasa saya dilantik sebagai Felo Penyelidik dan kemudiannya sebagai Pengarah di Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), UKM. Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada USIM kerana memberi peluang dan ruang untuk saya menyampaikan idea-idea terkini tentang perkara yang diwacanakan. Ia bukan idea saya bersendirian tetapi adalah himpunan idea dan dapatan secara kolektif hasil kajian daripada mereka yang berkongsi falsafah pemikiran dalam aliran yang sama.

Sukacita saya menyatakan bahawa mantan Pengerusi Lembaga Pengarah USIM Tan Sri Dr. Mohd Yusof Noor dan Pengerusi semasa iaitu Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Dr. Abdul Shukor Hj. Husin sentiasa mencetus minat untuk saya terus berkecimpung dalam dunia akademik dalam apa jua cara sekalipun, walaupun saya telah dua kali bersara iaitu sebagai Pensyarah di UKM dan Ahli Parlimen penggal 2004-2008. Mantan Naib Canselor USIM, Prof. Dato' Dr. Muhamad Muda telah berjaya meletakkan USIM di atas landasan yang kukuh sehingga USIM telah mendapat pengiktirafan di peringkat kebangsaan dan sedang melebarkan sayapnya di dunia antarabangsa. Saya percaya Naib Canselor yang baru, Prof. Dr. Asma Ismail juga mempunyai kemampuan untuk meletakkan USIM setara dengan universiti-universiti yang cemerlang di negara ini.

Kepada Ketua Penerbit, Pn. Hariza Mohd Yusof dan Penolong Pendaftar, En. Mohd Faiz Hamzah saya ucapkan ribuan terima kasih kerana menjadikan manuskrip yang pada asalnya kelihatan hambar kepada sebuah buku kecil yang amat menarik dan menyelerakan dari sudut pandangan mata dan minda. Isteri serta anak-anak dan cucu-cucu saya (baru empat orang) tidak pernah menganggu apabila ruang tamu dan tempat berehat, saya tukar menjadi tempat kerja ala pejabat/ perpustakaan untuk saya bekerja saban hari hingga ke jauh malam. Terima kasih kepada mereka semua. Wassalam.

Rabu, 19hb Disember 2012



ABSTRAK

Satu teori besar yang tidak mampu dicabar untuk sekian lama adalah mengenai asal usul rumpun atau ras Melayu dikemukakan oleh Heine-Geldern pada 1940-an; bahawa rumpun Melayu berasal dari wilayah Yunnan atau selatan negeri China. Peter Bellwood pula menyarankan bahawa tanah ranah rumpun Melayu adalah pulau Taiwan. Tarikh mereka berhijrah ke selatan memasuki Alam Melayu adalah di antara 3,500 S.M. sehingga 500 kurun Masihi, sesuatu yang amat disangskakan. Dapatan kajian ahli-ahli arkeologi menunjukkan bahawa manusia moden homo sapiens telah pun berada di Alam Melayu ini jauh lebih awal, di antara 35,000 S.M. sehingga 15,000 S.M. Kajian dalam kalangan 26 kelompok minoriti di wilayah Yunnan oleh penulis ini pada 1994 mendapati tiada satu pun di antara kelompok ini tergolong dalam rumpun Melayu dari segi budaya dan linguistik, lantaran membuat kesimpulan bahawa selatan negeri China bukanlah tempat atau wilayah asal rumpun Melayu. Kemungkinannya, ini sekadar teori spekulatif (1995), bahawa rumpun Melayu telah berhijrah ke Alam Melayu secara lansung dari tanah ranah mereka di Asia Barat. Kirakira 15 tahun kemudian, Stephen Oppenheimer menerusi bukunya *Out of Africa* (2011) mengemukakan dapatan kajiannya menerusi kaedah mtDNA bahawa rumpun Melayu (berkulit ciku masak) bersama kabilah Negrito adalah kelompok yang paling awal berhijrah ke luar dari Afrika dan bermigrasi ke arah timur serta tiba di Benua Sunda pada sekitar 74,000 S.M. hingga 60,000 S.M. Ini jauh lebih awal daripada ras Mongoloid (berkulit kuning) yang didapati meninggalkan benua Afrika pada sekitar 60,000 SM-45,000 S.M. Syarahan ini juga mengemukakan pendapat besar kemungkinan bahawa Benua Sunda adalah “Benua Atlatis Yang Hilang” seperti yang terdapat dalam tulisan ahli falsafah Greek Plato pada sekitar 350 S.M.

Bahagian kedua syarahan ini mengemukakan latar belakang dan analisis secara perbandingan empat hasil kajian rumpun Melayu diaspora di mana penulis adalah peneroka dalam bidang ini. Di antara empat komuniti Melayu yang di kaji di Sri Lanka, Afrika Selatan, Australia, dan Arab Saudi, Melayu Cape di Afrika Selatan memberi sumbangan yang amat bermakna kerana mereka yang membawa agama Islam ke sana (sumbangan *Maulana Sheikh Yusuf, Makassar*) disusuli oleh usaha mengembangkannya hingga mendapat pengiktirafan oleh pihak yang berkuasa (sumbangan *Imam Abdullah Kadi Abdussallam, Ternate*).



ABSTRACT

The established theory on the “Origins of the Malay Race” proposed by Heine-Geldern sometime in 1940s is that modern or deutro-Malays have migrated south into the Malay World from the province of Yunnan or somewhere in southern China. Another researcher Peter Bellwood suggests that Taiwan was the original homeland of the Malays. The dates of migration, which is between 3,500 B.C. and 500 A.D., among others have raised many questions as archeological findings have shown that modern men, believed to be ancestors of the Malay race, have become settled population of the Malay world much earlier, that is sometimes between 35,000 and 15,000 B.C. Also, anthropological-linguistic research in the Yunnan province in 1994 by Wan Hashim does not provide any evidence that Yunnan or other parts of southern China was the homeland of the Malays. Speculative theory by the same writer that ‘the Malays might have migrated direct from West Asia’ (1995) seems to find support from recent researchers utilizing the genetic mtDNA methodology which could provide the period and time of the arrival of the first and subsequent settlers of the Malay World, and elsewhere. The “Out of Africa” theory of Stephen Oppenheimer has suggested that ancestors of the Malay race (brown-skinned people) and Malayan Negritos were among the earliest to leave Africa sometimes between 74,000 B.C. and 60,000 B.C. whilst the Mongoloid or ‘yellow race’ arrived in the north somewhat later, between 45,000 and 60,000 B.C. This Lecture also makes a suggestion there is a strong possibility the Sunda Continent might have been “the Lost Continent of Atlantis” mentioned by the Greek philosopher Plato in his writings sometimes in 350 B.C.

The second part of the Lecture provides a background and comparative analysis on the subject of Malay diaspora of which the writer is a pioneer researcher in this field. Among the four Malay communities studied, that is in Sri Lanka, South Africa, Australia and Saudi Arabia, the Cape Malays in South Africa have contributed significantly, particularly in bringing Islam to the Cape Colony in late 18th century (by *Maulana Sheikh Yussof of Makassar*) and subsequently in institutionalizing and spreading it (by *Tuan Guru Abdullah Kadi Abdussallam of Ternate*) to become an established religion which later found recognition by the state authority.



*Pengerusi dan Ahli-Ahli Lembaga Pengarah USIM
Naib Canselor dan Timbalan-Timbalan Naib Canselor
Profesor, Dekan, Pengarah dan Pensyarah,
Pegawai-Pegawai Kanan Universiti Sains Islam Malaysia
Seterusnya hadirin yang di hormati sekalian*

I

LATAR BELAKANG

PENULIS mula bertapak dalam dunia akademik sebagai penyelidik pada 1973 ketika berada dalam tahun 4 (kepujian) di Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Monash University. Untuk tugas Latihan Ilmiah, penulis telah memilih tema berkaitan dengan persoalan Hubungan Etnik dan Perpaduan Nasional. Kajian perpustakaan itu menggunakan gabungan tiga disiplin dalam sains sosial iaitu Sosiologi, Sejarah, dan Sains Politik bertajuk *National Integration in a New Nation – A Study on Communalism as a Paradox of Modernization* (Dec.1973) yang 10 tahun kemudiannya telah diterbitkan oleh Heinemann Educational Books menggunakan tajuk *Race Relations in Malaysia* (1983). Buku kecil itu telah diterjemah ke bahasa Melayu dengan penambahan tiga bab, diterbitkan semula oleh Institut Terjemahan Negara Malaysia dengan menggunakan tajuk *Hubungan Etnik di Malaysia* (2011).

Bagi ijazah-ijazah Sarjana dan Doktor Falsafah, penulis menumpukan kajian terhadap persoalan perubahan dan pembangunan dalam kalangan komuniti Melayu di luar bandar dengan menjadikan *Transformasi* sebagai tema utama kajian. Tesis Sarjana bertajuk *A Malay Peasant Community in Upper Perak* diselesaikan di Monash University juga pada 1976, dan diterbitkan oleh Penerbit UKM pada 1978. Tesis Doktor Falsafah pula di selesaikan di Victoria University of Manchester pada 1982 bertajuk *The Transformation of Malay Peasantry under Peripheral Capitalism*, diterbitkan oleh Penerbit UKM pada 1986 di bawah naungan Institute of Southeast Asian Studies, Singapura dan cetakan kedua pada 1995.

Lanjutan kepada minat penulis terhadap masyarakat desa, penulis telah memimpin satu pasukan tujuh orang penyelidik dari empat buah fakulti di Universiti Kebangsaan Malaysia (ATMA, FSKK, FST, dan F.Pendidikan) untuk membuat penyelidikan aneka disiplin dengan tema *Perubahan Nilai Masyarakat Desa*. Lima fasa kajian telah diselesaikan, masing-masing di Kampung Wang Kelian Perlis, Kampung Tekek Pulau Tioman Pahang, Kampung Sabak Kelantan, Kampung Teluk Kecil Pulau Pangkor Perak, dan Kampung Seronok di Bayan Lepas Pulau Pinang. Dua jilid kajian, iaitu di Wang Kelian Perlis dan di Pulau Tioman Pahang, telah diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).

Bermula pada tahun 1987 apabila penulis berpindah dan di tempatkan di Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA) UKM, penulis telah meneroka bidang kajian baru mengenai masyarakat minoriti *Rumpun Melayu di Luar Alam Melayu*. Selama 12 tahun (1987-1999), penulis bersama-sama beberapa penyelidik bersama (Prof. Farid M.Onn, Prof.Madya Ismail Hamid, Prof Madya A.Halim Ali, dan Prof Madya Hanapi Dollah) telah menyelesaikan empat fasa penyelidikan, masing-masing dalam kalangan komuniti Melayu di Sri Lanka, Australia Barat, Melayu Cape di Afrika Selatan, dan Orang Melayu di Arab Saudi.


Ketika itulah, penulis mulai menumpukan minat kepada aspek tamadun Melayu dari segi sejarah dan perkembangannya, termasuk tentang asal usul rumpun bangsa Melayu. Malah, Syarahan Perdana untuk pengukuhan jawatan Profesor di UKM yang penulis sampaikan pada 1997 bertajuk *Tamadun Silam dan Pembinaan Tamadun Melayu Abad Ke Dua Puluh Satu*. Ketika itu, penulis telah menyelesaikan dua kajian yang berkaitan dengan tamadun Melayu; pertama mengenai warisan kraftangan Melayu di Pantai Timur dengan tumpuan kepada asal mula dan perkembangannya serta keadaan semasa perusahaan batik, songket, ukiran kayu dan anyaman dengan dibiayai oleh Yayasan Volkswagen menerusi Institute of Southeast Asian Studies, Singapura. Hasil kajian itu telah diterbitkan oleh DBP pada 1996 bertajuk *Malay Handicraft Industries – Origins and Development*. Bersama-sama dengan seorang karyawan tamu di Institut Alam dan Tamadun Melayu, Abdul Halim Nasir, kami membuat dua penyelidikan secara serentak tentang *Warisan Seni Bina Melayu* serta *Istana dan Kerajaan Melayu*. Melalui kerjasama ini, kami telah menghasilkan dua buah buku bergambar *The Traditional Malay House (1996)* yang diterbitkan oleh Penerbit Fajar Bakti dan *Warisan Seni Bina Melayu (1998)* terbitan Penerbit UKM.

Ketika membaca buku meja kopi hasil tulisan Tan Sri Mubin Sheppard (Allahyarham), *Taman Indera – Malay Decorative Arts and Pastimes* (1972), penulis tertarik dengan ulasan serta kesangsian beliau tentang asal usul bangsa Melayu apabila kebanyakan sarjana pada masa itu sedang berpegang kukuh kepada teori bahawa *rumpun* atau *ras* Melayu itu berasal dari selatan negeri China, kemungkinannya dari Wilayah Yunnan atau Pulau Taiwan (Formosa) dan kemudiannya berhijrah ke selatan memasuki Alam Melayu di antara 3,500 S.M ke 500 K.M. Dalam kalangan para sarjana tempatan juga, sudah ada yang mula meragui dan mempertikai teori itu kerana dapatan-dapatan dari cari gali arkeologi menunjukkan bahawa nenek moyang rumpun Melayu sudah berada di Alam Melayu ini sejak puluhan ribu tahun yang lalu. Ini memberi ransangan untuk penulis membuat satu penyelidikan kecil dari sudut etnografi dan linguistik bagi tujuan mencari bukti sokongan atau *menolak* teori “migrasi rumpun Melayu dari selatan negeri China” ke arah selatan untuk menduduki “benua Sunda” atau Semenanjung dan Kepulauan Melayu itu.

ORANG REJIMEN



THE MALAYS
OF THE CEYLON
RIFLE REGIMENT



B.A. HUSSAINMIYA

Kulit buku "Melayu Diaspora" yang pertama diterbitkan oleh
Penerbit UKM, 1989.



BAHAGIAN SATU

II

“Manusia” Kuno Di Alam Melayu

Dalam kajian antropologi tentang “manusia kuno” atau *makhluk* pra-moden sebelum manusia moden “*homo sapiens sapiens*”, terdapat sekurang-kurangnya tiga jenis makhluk “separa-manusia” yang paling awal ditemui di benua Sunda atau Alam Melayu serta di benua Australasia ini. Mereka itu adalah *Australopithecus* berusia antara satu hingga tiga juta tahun yang lalu; *Pithecanthropus* atau “*Homo Erectus*” yang berusia kira-kira sejuta tahun yang lalu; dan yang paling hampir sifatnya dengan manusia moden ialah “manusia” *Neanderthal* berusia kira-kira 100,000 hingga 40,000 tahun yang lalu. Salah satu ciri penting yang membezakan di antara ketiga-tiga makhluk ini dengan manusia moden ialah ukuran atau saiz tempurung otaknya. Ukuran bagi *Australopithecus* cuma satu pertiga daripada saiz manusia moden kira-kira 500cc; saiz *Pithecanthropus* ialah antara 800-1,200 cc dengan purata 1,000cc, manakala bagi “manusia” *Neanderthal* hampir sama dengan saiz manusia moden 1,250 cc. Saiz tempurung otak bagi manusia moden ialah 1,400 cc (C.L. Brace, 1967). Perbezaan juga terdapat pada bentuk kepala, bahagian kening dan dagu, saiz gigi yang lebih besar dan bentuk tulang rangka dan tulang belakang yang membongkok.

Hakikat ini menunjukkan sejak dua hingga tiga juta tahun yang lalu, ketiga-tiga makhluk atau “manusia pra-moden” itu pernah mendiami di benua Sunda atau Alam Melayu ini; dan Alam Melayu merupakan di antara kawasan yang sesuai didiami oleh manusia dan makhluk-makhluk lainnya sejak lebih sejuta tahun yang lalu. Dapatan-dapatan dari cari gali arkeologi juga telah menunjukkan bahawa sejak sekitar 35,000 tahun dahulu, manusia moden atau “*homo sapiens sapiens*” telah pun menjadi penghuni di benua Sunda atau Alam Melayu ini.



RUJUKAN

- Amat Juhari Moain. 1994. *Sejarah Keagungan Bahasa Melayu*, Syarahan Unaugural Universiti Putera Malaysia, Serdang, Ogos 1994.
- Arof Ishak, M. 2009. *Malay Civilization*. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.
- Asmah Haji Omar. 2008. *The Malays in Australia- Language, Culture, Religion*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bellwood, P. 1991. *The Austronesian Dispersal and the Origin of Languages*, *Scientific American*, July 265.
- Bellwood, P. 1997. *Pre-History of the Indo-Malaysian Archipelago*. Honolulu: University of Hawaii.
- Bellwood, P. 1998. *Taiwan and the Pre-history of the Austronesian Peoples*. Review of Archeology.
- Birx, James ed. 2006. *Encyclopedia of Anthropology, Vol 4*. London: Sage Publications.
- Brace, C.C. 1967. *The Stages of Human Evolution*. New Jersey: Prentice Hall.
- Buck, P.H. 1964. *Vikings of the Pacific*. University of Chicago Press, Chicago.
- Bunce, Pauline. 1988. *The Cocos (Keeling) Islands Australia*. Perth: The Jacaranda Press.
- Craig, Robert. 1989. *Dictionary of Polynesian Mythology*. London: Greenwood Press.

- De Silva. 1981. *The History of Sri Lanka*. New Dehli: Oxford University Press.
- Ember, M. & Ember,C.R. 2001. *New Zealand- Countries and the Cultures*. New York: MacMillan Reference.
- Heine-Geldern, van. 1945. *Science and Scientists in the Netherlands- Prehistoric*. New York: Research in the Netherlands Indies.
- Heine-Geldern. 1946. *Research on Southeast Asia, Problems and Suggestions, American Anthropologists*. April, 1946.
- Husseinmiya, B.A. 1989. *Orang Rejimen – The Malays of the Ceylon Rifle Regiment*. Bangi: Penerbit UKM.
- Ma Yin. 1989. *China's Minority Nationals*. Beijing: Beijing Foreign Press.
- Nik Hassan Suhaimi Nik Abdul Rahman. 1999. *Arkeologi Pra-Islam Pesisir Selat Melaka, Syarahan Perdana Profesor UKM*. Bangi: Penerbit UKM.
- Nik Hassan Suhaimi Nik Abd Rahman. 2012. *Data Arkeologi Tentang Evolusi Bangsa di Tanah Melayu*, kertas kerja *Persidangan Asal Usul Melayu- Induknya di Alam Melayu*, Ikatan Arkeologi Malaysia dengan kerjasama Pejabat Timbalan Perdana Menteri.
- Oppenheimer, Stephen. 1998. *Eden in the East, the Drowned Continent of Southeast Asia*. London: Weidenfeld and Nicholson.
- Oppenheimer, Stephen. 2011. *Out of Africa, the peopling of continents and islands: tracing uniparental gene trees across the map. Philosophical Transactions of the Royal Society B:Biological Sciences*.
- Park, Robert E. 1950. *Race and Culture*. Glencoe: The Free Press.
- Santos, Aryo Dos. 2005. *Atlantis, The Lost Continent Finally Found,The Definitive Localization of Plato's Lost Civilization*. Lynwood Atlants Publications Inc.

- Sheppard, Mubin. 1972. *Taman Indera-Malay Decorative Arts and Past Times*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Siaran Akhbar 5 September. 1994. *New Straits Times, the Star, Berita Harian, Utusan Malaysia, The Malay Mail*.
- Wan Hashim. 1991. ‘*Dunia Melayu dan Tersebar Luasnya Rumpun Bangsa Melayu*’ dalam Mohd Yusof Hasan ed, *Dunia Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wan Hashim. 1991. ‘*Rumpun Melayu Sebagai Kelompok Minoriti*’, keluaran khas *Rumpun Melayu-Polinesia*, Bil. 4 Ogos, ATMA, UKM.
- Wan Hashim, 1995. ‘*Teori Migrasi dan Asal Usul Ras Melayu*’ kertas kerja *Polimik Sejarah Malaysia*, diterbitkan dalam *Jurnal PEMIKIR*. Sept 1995. Kuala Lumpur: Utusan Publications.
- Wan Hashim. 1997. *Tamadun Silam dan Pembinaan Tamadun Abad Ke-21*, Syarahan Perdana Profesor UKM. Bangi: Penerbit UKM.
- Wan Hashim & A. Halim Ali. 1999. *Rumpun Melayu Australia Barat*. Bangi: Penerbit UKM.
- Wan Hashim. 2010. *Rumpun Melayu– Minoriti dan Diaspora, Syarahan Perdana Profesor UPNM*. Kuala Lumpur: Penerbit UPNM.
- Wan Hashim. 2012. ‘*Ras atau Rumpun Melayu- Pengertian dan Asal Usul Mereka*’, kertas kerja *Persidangan Asal Usul Melayu, Induknya Di Alam Melayu*, Ikatan Arkeologi Malaysia dan Pejabat Timbalan Perdana Menteri, Januari, 2012.
- Wan Hashim. 2012. ‘*Waves of Migration of Malay-Polynesian Peoples into the Malay- Polynesian World*’ kertas kerja *International Conference on Malay-Polynesian Ancestral Heritage and Genetic Linkages*, 24. November, 2012 at Faculty of Architecture Planning and Surveying, UiTM Shah Alam.
- Zaharah Sulaiman, Wan Hashim, Nik Hassan Suhaimi ed. 2013-forthcoming. *Alam Melayu Tamadun Berzaman*. Yayasan Perdana, Putrajaya.

SENARAI LAMPIRAN

A. PETA, KERATAN AKHBAR DAN GAMBAR



Map 2

Migration & Dispersion of the Polynesian People into the Pacific from 4,000 B.C onwards into A.D 1,200



Melayu bukan dari Yunnan

*UTUSAN MALAYSIA
6 Sept. 1994*

BANGI 5 Sept — Bangsa dan rumpun Melayu bukan berketurunan migrasi penduduk dari wilayah Yunnan di China, kata dua orang penyelidik dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), di sini, hari ini.

Pengarah Institut Alam dan Tamadun Melayu universiti itu, Prof. Datuk Dr. Wan Hashim Wan Teh dan timbalannya, Prof Dr. Nik Hassan Suhaimi masing-masing berpendapat bahawa manusia telah mendiami Alam Melayu sejak 35,000 tahun dahulu berdasarkan bukti-bukti arkeologi.

Pada satu persidangan akbar di UKM, di sini, mereka berkata, teori migrasi penduduk dari Yunnan atau mana-mana tempat di Asia ke Alam Melayu di zaman pra-sejarah mengikut gelombang iaitu gelombang proto-Melayu dan gelombang Deutro-Melayu yang dipercayai umum pada hari ini, tidak dapat dibuktikan.

Kedua-dua orang penyelidik itu berpendapat pada tahap 35,000 ke 11,000 tahun dahulu, manusia di Alam Melayu yang berasal dari satu baka mengamalkan kebudayaan yang sama.

"Ini kerana di waktu itu Alam Melayu merupakan sekeping tanah besar Pentas Sunda dan Pents Sahul yang timbul kerana dunia pada waktu itu berada pada zaman air batu (Prestosen) dan paras air laut turun," kata mereka.

Pada waktu itu, tambah mereka, manusia di Alam Melayu bebas bergerak tanpa menggunakan perahu.

Kedua-dua orang penyelidik itu ialah

antara 60 orang budayawan dan sarjana daripada pelbagai universiti dan badan penulisan serta institusi kerajaan dan orang perseorangan yang mengunjungi Kunming dan beberapa tempat berasal dari Yunan pada akhir bulan lepas.

Prof. Dr. Nik Hassan yang membuat penyelidikan lebih daripada 20 tahun untuk membuktikan bahawa teori Barat yang menyatakan rumpun Melayu berasal daripada kaum migrasi Yunnan, berkata, bukti-bukti yang terdapat daripada penduduk Yunnan itu jelas bahawa rumpun Melayu bukannya berasal dari daerah itu tetapi sebaliknya mereka ialah penduduk asal Alam Melayu.

Menerusi penelitian terhadap bahan tulisan dan kajian yang sedia ada tentang linguistik, budaya, dan antropologi menyatakan di Yunnan dan disokong pulih oleh pola fenomena migrasi umat manusia, ada bukti yang menunjukkan pertalian ras atau keturunan antara 25 kelompok minoriti pribumi wilayah Yunnan dengan rumpun bangsa Melayu-Polinesia yang kini tinggal menetap di wilayah Alam Melayu atau Dunia Melayu-Polinesia.

Sehubungan itu, mereka yakin teori bahawa bangsa dan rumpun Melayu berasal dari wilayah Yunnan ialah teori spekulatif yang harus ditolak kerana tidak ada fakta-fakta yang kukuh bagi menyolong teori itu. — Bernama.

UTUSAN MALAYSIA, 6 SEPTEMBER 1994

Malays not of Yunnan stock: UKM dows

Bangi, Mon: Two professors claim they have shattered the myth of Malays being descendants of migrants from Yunnan in China.

Universiti Kebangsaan Malaysia's (UKM) Datuk Dr Wan Hashim Wan Teh, director of its Institute on Malay World and Civilisation, and his deputy Prof Dr Nik Hassan Suhaimi describe the theory as purely speculative and should therefore be dismissed.

They said archaeological discoveries indicate that there were already inhabitants in the Malay

world as early as some 35,000 years ago.

There is also no proof that the people of Yunnan migrated to the Malay world during pre-historic time as speculated, they said at a press conference here today.

Both believe that between 11,000 and 35,000 years ago, the inhabitants of the Malay world were from the same stock and practised the same culture.

This is because at that time the Malay world was one big land mass where the inhabitants could move about freely, said the researchers who just returned

joined a group during visits to Kunming and other historical places in Yunnan.

Nik Hassan, who has spent over 20 years to disprove the theory, said evidence in Yunnan shows that the Malays were not from the province but were the original inhabitants of the Malay world.

"There is also no evidence to show any connection culturally or otherwise between south-east Asian minorities in Yunnan and the inhabitants of the Malay world which they have been doing for thousands of years."

NRY Malays did not come from south China, says institute

BANGI, Mon. — The theory that Malays originated from Yunnan in south China was today opposed by Institut Alam dan Tamadun Melayu (Institute of the Malay World and Civilisation) which claimed that new findings disprove this theory.

Its director, Professor Datuk Wan Hashim Wan Teh, said a group of Malay Studies experts and social scientists from this country visited Yunnan last month to try to find evidence that would prove or disprove the theory.

He said those in the group included the Dean of the

Literary and Social Science Faculty of Universiti Malaysia, Professor Datuk Zainal Kling, Universiti Kebangsaan Malaysia Department of Anthropology head Professor Hairi Abdullah, Universiti Pertanian Malaysia Pusat Islam director Professor Ahmad Johari Moam, Universiti Malaya Education Faculty Professor Ishak Haron, UKM Institut Alam Dan Tamadun Melayu Research expert Professor Ungku Maimunah Mohd Taahir.

Wan Hashim said the result of the visit showed that "there was no evidence that the 26 original minority in-

habitants of the Yunnan region was of the same race as the Malays".

He said the language of the Yunnan natives was not similar with that of the Malays, while their physical characteristics were also dissimilar.

"The physical characteristics of the Yunnan people are more similar to the Mongoloids who were found in the Asian continent including Japan and Korea."

He said they might also belong to the "marginal group" who were between two big races.

upiran 4 MACAM MAIL STAR : BERNAMA Sept 6, 2004

Experts reject theory on origin of the Malays

BANGI, Two Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) researchers have rejected the theory which suggests that Malays were descendants of migrants from the Yunnan province in southern China.

Prof Datuk Dr Wan Hashim Wan Teh, director of the university's Institute on Malay World and Civilisation, and his deputy, Prof Dr Nik Hassan Suhaimi, described the theory as purely speculative and should be dismissed.

They said archaeological discoveries seemed to indicate that there were already inhabitants in the Malay world as early as 35,000 years ago.

There was also no proof to the theory that the people of Yunnan, or from other parts of Asia, migrated to the Malay world during pre-historic time as speculated, they said at a joint press conference at UKM here yesterday.

Both researchers believed between

the period of 35,000 and 11,000 years ago, the inhabitants of the Malay world were from the same stock and practising the same culture.

This was because at that time the Malay world was one big land mass where the inhabitants could roam about freely, said the two researchers who last month joined a group of some 60 people during visits to Kunming and other historical places in the Yunnan province.


Prof Nik Hassan, who spent more than 20 years looking for proof to counter the Western theory, said evidence in Yunnan showed the Malays were not from the province, but were the original inhabitants of the Malay world.

There was also no evidence to show any connection culturally, or otherwise, between some 26 ethnic minorities in Yunnan and the inhabitants of the Malay world or Malay-Polynesian world. — Bernama


J. RUMPUN POLINESIA



61. Imaginasi pelukis “perahu bersayap” yang membawa rumpun Polinesia merentas Lautan-Teduh (Pasifik) dan akhirnya menetap di Kepulauan itu sejak lebih 5000 tahun yang lalu.



62. Peta Kepulauan yang dididuki oleh rumpun Polinesia.



63



64

63, 64 Pakaian tradisi dan seni tampak etnik Maori dari rumpun Polinesia di New Zealand.



65. Persembahan seni tarian rumpun Polinesia yang menetap di pinggir kota Brisbane, Queensland.



66. Mahasiswa muda melalui upacara rites de passage semasa dalam tahun pertama di Queensland University membuat kunjungan pertama untuk mengenali etnik yang bakal dikaji, rumpun Polinesia.



BIODATA

PROFESOR DATO' DR WAN HASHIM WAN TEH

(BA (Hons.) MA (Monash), PhD (Manchester))

1. JAWATAN SEKARANG

- a. Ahli Lembaga Pengarah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)
- b. Profesor, Fakulti Pengajian dan Pengurusan Pertahanan, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM)
- c. Ahli Lembaga Pengarah, Muzium Perak (2003 - sekarang)
- d. Ahli Lembaga Penasihat, Perpustakaan Negara Malaysia (2010 - sekarang)

2. JAWATAN DAHULU

- a. Pengerusi, Institut Terjemahan Negara Malaysia (2005 - 2009)
- b. Ahli dan kemudian Pengerusi, Jawatankuasa Pilihan Khas mengenai Integriti, Parlimen Malaysia (2005 - 2008)
- c. Pengerusi, Jawatankuasa Protem, Majlis Seni-Budaya Malaysia (2006-2008)
- d. Ahli Lembaga Pengarah, Infrastructure University College (KLIUC) (2005 - 2009)
- e. Ahli Dewan Rakyat, Perlimen Gerik (2004 - 2008)
- f. Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar, UKM (1997 - 2000)
- g. Pensyarah & Profesor di UKM (1976 - 2004)
- h. Pengerusi Yayasan Perak (2004 - 2008)
- i. Pengerusi Lembaga Amanah, Balai Seni Lukis Negara (2005 - 2006)
- j. Ahli Majlis Akademi Seni Kebangsaan (2001 - 2003)
- k. Timbalan Pengerusi FINAS (1993 - 2002)

3. PENDIDIKAN

- a. Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Inggeris), Gerik (1956 – 1961)
- b. Sekolah Menengah Clifford, Kuala Kangsar (1962 - 1964)
- c. Cawangan Putera, Maktab Tentera Diraja, Sg. Besi (1965 - 1968)
- d. Ijazah Sarjana Muda (Kepujian), Monash University, Australia (1973)
- e. Ijazah Sarjana Sastera, Monash University (1976)
- f. Ijazah Doktor Falsafah (PhD), University of Manchester, UK (1982)

4. PERKHIDMATAN DI UKM (1974 – 2004)

- a. Tutor – Jabatan Antropologi dan Sosiologi, UKM (1974) dan Tutor Sambilan (1974 - 1975) di Monash University, Australia.
- b. Pensyarah - Jabatan Antropologi dan Sosiologi, UKM (1976)
- c. Timbalan Dekan, Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan, UKM (1984 - 1986)
- d. Lantikan ke jawatan Profesor (1993 - 2004)
- e. Pengarah Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), UKM (1 Ogos 1993 – 27 Julai 1995)
- f. Timbalan Pengarah ATMA, UKM (5 Jun 1996 – 19 September 1997)
- g. Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar), UKM (20 September 1997 – 19 September 2000)

5. BIDANG PENGKHUSUSAN DAN PENYELIDIKAN

- a. Transformasi Masyarakat Desa, Hubungan Etnik, Global, Tamadun Melayu dan Rumpun Melayu Diaspora
- b. Hasil penyelidikan tentang *Rumpun Melayu Diaspora* pernah dirujuk oleh Jabatan Perdana Menteri, Wisma Putra, Institute of Strategic and International Studies (ISIS), Malaysian Strategic Research Centre (MSRC), Sekretariat Melayu Antarabangsa (SMA), RTM dan TV3 serta dirujuk oleh sarjana di Johann Wolfgang Goethe Universitae di Frankfurt, Jerman untuk membuat pemetaan mengenai Melayu Diaspora

- c. Hasil kajian *Sejarah Gerila Melayu Force 136* digunakan sebagai bahan rujukan oleh British Broadcasting Corporations (BBC), London

6. PENGIFTIRAFAN KESARJANAAN DAN KHIDMAT UNTUK NEGARA

- a. Telah menyelia di sekitar 35 siswazah lanjutan peringkat Sarjana dan Kedoktoran (1976 - 2004)
- b. Penilai luar kenaikan pangkat ke jawatan Prof. Madya dan Profesor bagi UPM dan UM
- c. Pemeriksa tesis Sarjana dan PhD bagi 6 buah Universiti iaitu:-
 - i. University of New South Wales Australia
 - ii. Universiti Brunei Darussalam
 - iii. National University of Singapore
 - iv. Universiti Putra Malaysia
 - v. Universiti Sains Malaysia
 - vi. Universiti Malaya
- d. Jawatankuasa Pemilih Peringkat KPT untuk calon Naib Canselor bagi UKM dan UPSI
- e. Ahli Panel Pemilih dan Pemidato di Majlis Anugerah Sasterawan Negara, 2003
- f. Felo Penyelidik di ISEAS Singapore dan penerima Geran Volkswagen Foundation untuk Kajian Pembangunan Industri Kraftangan (1985 - 1986)

7. PENERBITAN AKADEMIK, UMUM DAN KREATIF

- a. Penulis dan penyunting 30 buah buku ilmiah, bacaan umum dan koleksi kertas kerja seperti berikut;
 - i) *A Malay Peasant Community in Upper Perak*, 1978
 - ii) *Communication in Peasant Community: Inroads and Problems* (bersama H.M. Dahlan), 1979
 - iii) *Komuniti Nelayan di Pulau Pangkor* 1980
 - iv) *Kaedah Penyelidikan Sosial – Suatu Rampaian Esei Masalah Kajian Luar* (bersama Ting Chew Peh & Shamsul Amri Baharudin), 1980

- v) *Kesedaran Kelas dan Konflik Kelas Dalam Sebuah Komuniti Nelayan*, 1982 (Monograf)
- vi) *Race Relations in Malaysia*, 1983
- vii) *Album Kenangan Pejuang Gerila Force 136*, 1984. Percetakan Adabi
- viii) *Petani dan Persoalan Agraria*, 1984. Fajar Bakti
- ix) *Sains Sosial Dari Perspektif Islam* (bersama Mahyuddin Hj. Yahya), 1986/1995 – edisi kedua
- x) *Peasants Under Peripheral Capitalism*, 1988/1995 – edisi kedua
- xi) *Kongres Cendekiawan Melayu I*, (Penyunting Kertas Kerja), 1990
- xii) *Rumpun Melayu Sebagai Kelompok Minoriti, keluaran khas Rumpun Melayu Polinesia*, Bil. 4 Ogos 1991
- xiii) *Perang Dunia Kedua – Peranan Askar Melayu*, 1993
- xiv) *Perang Dunia Kedua – Peranan Gerila Melayu Force 136*, 1993
- xv) *UMNO Dalam Arus Perdana Politik Kebangsaan*, 1993
- xvi) *Rumah Melayu Tradisi* (bersama A. Halim Nasir), 1996. (Terjemahan) *The Traditional Malay House* 1996 (reprint 2010)
- xvii) *Malay Handicraft Industries – Origins and Development*, 1996
- xviii) *Warisan Seni Bina Melayu* (bersama A. Halim Nasir), 1996
- xix) *Tamadun Silam dan Pembinaan Tamadun Abad Ke-21*, 1997. Syarahan Perdana UKM
- xx) *Nilai Budaya Masyarakat Desa Jld.1* (bersama Ismail Hamid), 1988
- xxi) *Rumpun Melayu di Australia Barat* (bersama A. Halim Ali), 1999
- xxii) *Di Sekitar Konsep Negeri* (bersama Daniel Perret), 1999
- xxiii) *Tuanku Jaafar : The Tenth King of Malaysia* (dwibahasa), 1999, buku bergambar meja kopi


- xxiv) *Hatiku Terluka Di Bukhara (Novel Travelog)*, 2002.
Siri Anugerah Pak Sako
- xxv) *Blue Green of The Royal Belum* (editor bersama Zakaria Ali), 2007
- xxvi) *UMNO 10 Tahun* (versi rumi, penyunting bersama MK Jamil), 2007
- xxvii) *Rumpun Melayu Afrika Selatan* (Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur), 2010
- xxviii) *Rumpun Melayu, Minoriti dan Diaspora* (Penerbit UPNM), 2010
- xxix) *Hubungan Etnik Di Malaysia*, (terjemahan dengan penambahan)
- xxx) *Nine Kingdoms, The Unveiling of Malay Sovereignty* (Chief Editor) sebanyak 10 Jilid Penerbitan, Penerbit UPNM, 2013
- xxxi) *Alam Melayu Tamadun Bersama* (editor bersama Zaharah Sulaiman dan Nik Hassan Sulaiman), 2013
- xxxii) Telah membentangkan sekitar 60 kertas kerja persidangan dan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa; sekitar 30 artikel diterbitkan dalam buku dan jurnal akademik; dan lebih 200 rencana untuk akhbar dan majalah semasa
- xxxiii) Penulisan kreatif dalam bidang teater dan siri drama tv
1. *Peristiwa Bukit Candu*, teater perjuangan dipentaskan di Tapak Pesta Konvo, UKM (1998) dan Perkarangan Istana Besar Sri Menanti (1999)
 2. *Harimau Malaya : Pejuang Gerila Force 136*. Teater perjuangan dipentaskan 5 kali di Tapak Pesta Konvo, UKM (1999), Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (2000) dan Dewan Bankuet, Ipoh (2001), di Gerik dan Pangkalan Hulu
 3. *Pahlawan Rimba Malaya* (cerita asal oleh SN Keris Mas), teater perjuangan dipentaskan di Tapak Pesta Konvo, UKM (1999) bersempena Temasya Gemilang Kolej Keris Mas

4. *Peristiwa Berdarah di Pasir Salak.* Teater perjuangan dipentaskan di Tapak Pesta Konvo, UKM (2000) dipentaskan semula oleh para pelajar Kolej Melayu Kuala Kangsar (2002, sempena Hari Kebangsaan)
5. Siri drama TV (27 episod), *Harimau Malaya: Pejuang Gerila Force 136*, untuk RTM
6. *Kuala Lumpur Oh..Kuala Lumpur – Seniman Jalanan*, skrip teater bersempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2004
7. Dekon *Pesanan Terakhir Leftenan Adnan* dipentaskan di Hotel Royale Chulan, 2011



RUMPUN MELAYU

TEORI MIGRASI DAN DIASPORA



SYARAHAN UMUM ini mengemukakan hujah-hujah yang menolak teori besar Heine-Geldern dan lain-lain yang menyatakan "Melayu berasal dari Yunnan-Selatan Negeri China". Bersandarkan kepada beberapa dapatan kajian arkeologi, antropologi, linguistik dan terbaru antropologi perubatan (kaedah mtDNA), dirumuskan bahawa moyang kepada rumpun atau ras Melayu (berkulit cikuh masak) telah tiba di Benua Sunda (Alam Melayu) sejak 74,000-60,000 S.M., lebih awal daripada ketibaan ras Mongoloid (berkulit kuning) di benua China, pada sekitar 60,000-45,000 S.M. Migrasi moyang Melayu-Polinesia adalah secara terus dari Asia Barat atau Utara Afrika. Bahagian kedua Syarahan ini mengemukakan secara perbandingan ciri-ciri umum Melayu diaspora yang terdapat di Sri Lanka, Afrika Selatan, Australia dan Arab Saudi dengan merumuskan bahawa Melayu Cape berperanan utama mengasas serta menyebarkan Islam di Afrika Selatan.

Profesor Dato' Dr. Wan Hashim Wan Teh ialah Ahli Lembaga Pengarah USIM sejak tahun 2005; dan kini bertugas di Fakulti Pengajian dan Pengurusan Pertahanan, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia.



PENERBIT
USIM

ISBN 978-967-0393-65-0

9 78967 393650

2500

<http://penerbit.usim.edu.my>